

UUM ONLINE. Mahasiswa digalakkan menjalankan program yang mempunyai impak tinggi serta mengutamakan keberhasilan bagi setiap program itu kepada masyarakat, universiti dan diri mereka sendiri.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata aspek keberhasilan menjadi teras kepada setiap program mahasiswa kerana ia boleh menjadi kayu pengukur kepada kejayaan program yang dijalankan.

"Mahasiswa mesti menghasilkan impak tinggi dalam program mereka dan cuba menambah nilai dalam setiap program dianjurkan supaya ia nampak berkesan bukan hanya sekadar program.

"Daripada aktiviti biasa, mesti ditambah dengan bakti kepada setiap program kepada masyarakat atau sesiapa sahaja, yang penting perlu melakukan proses susulan terhadap apa yang sudah dilakukan melalui program ini," katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Almanak 2011 dan Penyerahan Watikah Pelantikan kepada Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Universiti Utara Malaysia (UUM) di sebuah hotel di Pulau Pinang, di sini, semalam.

Lebih 210 peserta menghadiri Kem Kecemerlangan Pengurusan (KPO) yang berlangsung selama 10 hari di tiga tempat membabitkan Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Rakyat di UUM, Kem Biro Tatanegara (BTN), Balik Pulau dan Hotel Hydro, Pulau Pinang, sejak 3 hingga 13 Januari 2011.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abd Razak Saleh dan pegawai kanan universiti serta pengetua Dewan Penginapan Pelajar (DPP).

Saifuddin berkata, masa menjadi mahasiswa adalah masa yang terbaik untuk meninggalkan sesuatu yang berkesan kepada masyarakat kerana masa itu amat sesuai untuk melatih mahasiswa menjadi pemimpin.

"Ini kerana mahasiswa yang sudah menjadi pemimpin, saya kategori kepada tiga jenis pemimpin iaitu pemimpin kepada orang lebih muda daripada mahasiswa, pemimpin kepada rakan seangkatan dan pemimpin kepada pemimpin negara iaitu sebagai rakan kongsi.

"Bagaimanapun, setiap pemimpin itu mesti mempunyai ilmu termasuk pemimpin pelajar kerana dengan ilmu sahaja hala tuju sesuatu program itu dapat dilaksana bagi mencapai apa yang digariskan.

"Malahan, pemimpin juga boleh menentukan sumbangan mereka sama ada sumbangan itu kecil atau besar ia bergantung kepada pemimpin itu sendiri," katanya.

Beliau berkata, setiap pemimpin mesti bergantung dengan kepercayaan yang dipegang dan setiap pemimpin juga mesti menjalankan tanggungjawab secara bersama dengan rakan lain.

"Sebagai pemimpin, kita ada tanggungjawab bersama dan lakukan dengan penuh disiplin dan meletakkan sasaran yang tinggi bagi meningkatkan daya saing dalam apa-apa aktiviti yang dijalankan," katanya.

Sebelum itu, Saifuddin melahirkan rasa gembira apabila pemimpin pelajar daripada 15 DPP membentangkan perancangan aktiviti mereka membabitkan 1,200 aktiviti untuk dilaksanakan pada 2011.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my